

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2023

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

## Pelaksanaan sistem Padu mencabar

### Pelaksanaan sistem Padu mencabar

**PUTRAJAYA** – Pembangunan Pangkalan Data Utama (Padu) kini sudah mencapai perkembangan 60 peratus sebelum sistem berkenaan boleh diakses oleh orang ramai bermula Januari 2024.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran dalam proses menggabungkan maklumat sosioekonomi setiap isi rumah di negara ini, pihaknya akan berusaha untuk menyiapkan sistem tersebut dalam tempoh tiga bulan lagi.

“Selepas kerajaan memutuskan untuk menubuhkan Padu pada Mei dan kemudian kita mulakan pembangunan (sistem) pada Jun, lebih kurang dua bulan kita berjaya capai 60 peratus.

“Sebenarnya ia mencabar untuk (sistem itu) mula digunakan pada Januari, tetapi dalam masa kira-kira dua bulan apa yang sepatutnya

disiapkan sudah pun mencapai 60 peratus dan insya-Allah dalam masa tiga bulan akan datang kita akan dapat laksanakannya,” katanya.

Pada 9 September lalu, media melaporkan sistem Padu dijangka melalui tempoh percubaan mulai November ini sebelum dibuka kepada orang ramai pada Januari 2024 untuk kegunaan pengesahan maklumat peribadi.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, dalam membangunkan sistem berkenaan, pihaknya menetapkan garis masa yang jelas iaitu ujian pertama Padu akan dilaksanakan pada November ini sebelum dibuka kepada orang ramai.

“Setakat ini segalanya berjalan seperti garis masa walaupun cabaran untuk menggabungkan data dan maklumat 33 juta rakyat Malaysia dalam tempoh yang pendek adalah sesuatu yang sangat mencabar,” katanya.



**SISTEM Padu akan menggabungkan data dan maklumat sosioekonomi isi rumah 33 juta rakyat Malaysia. – GAMBAR HIASAN**